




اینسٹیتوت تیکنولوگی مارا
INSTITUT TEKNOLOGI MARA



LAPORAN TAHUNAN 1991

LAPORAN TAHUNAN 1991



اینسیتوت تکنولوگی مارا
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Yang Berhormat Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud,
SIMP, PNBS, JBS
Menteri Pendidikan Malaysia,
Kementerian Pendidikan,
Kuala Lumpur.

Majlis Institut Teknologi MARA dengan hormatnya menyampaikan Laporan Tahunan ITM bagi tahun 1991 mengikut kehendak Bahagian VI Seksyen 30(1) Akta Institut Teknologi MARA 1976 (Akta 173) Undang-Undang Malaysia.



TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN HAJI ARSHAD
Pengerusi

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
MAKLUMAT KOPERAT.....	i
MISI, FALSAFAH, OBJEKTIF DAN MATLAMAT.....	ii
GAMBAR AHLI-AHLI MAJLIS ITM.....	iii - iv
MAJLIS ITM.....	v - vii
PENGURUSAN KANAN.....	viii - x
DEKAN, KAJIAN DAN KETUA PUSAT AKADEMIK.....	xi - xiii
PENGETUA KAMPUS CAWANGAN.....	xiv - xv
JURUAUDIT.....	xv
LAPORAN PENGARAH	
Pendahuluan.....	1
Majlis.....	1
Pengurusan.....	2 - 3
Kewangan.....	3 - 4
Program Akademik.....	4
Pelajar.....	4 - 7
- Pengambilan	
- Enrolmen	
- Lulusan	
Peperiksaan.....	8
- Peperiksaan Mei	
- Peperiksaan November	
Aktiviti Pelajar Dan Ko-Kurikulum.....	8 - 9
Kakitangan.....	9 - 10
- Latihan Dan Biasiswa	
- Kursus-Kursus Pendek	
- Kenaikan Pangkat	
- Meninggalkan Perkhidmatan/Persaraan	
Penyelidikan Dan Perundingan.....	10 - 11
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).....	11
Pembangunan Fizikal.....	11 - 13
Penghargaan.....	13
LAPORAN/KAJIAN/PUSAT DAN KAMPUS CAWANGAN	
Kajian Perakaunan.....	14
Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka.....	15 - 16
Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang.....	16 - 17
Kajian-Senibina Perancangan Dan Ukur.....	17 - 18
Kajian Sains Gunaan.....	18 - 19

Kajian Perniagaan Dan Pengurusan.....	19 - 20
Kajian Sains Matematik Dan Komputer.....	20 - 21
Kajian Kejuruteraan.....	21 - 22
Pengurusan Hotel Dan Pelancongan.....	22 - 23
Kajian Sebaran Am.....	23 - 24
Kajian Sains Kesetiausahaana.....	24 - 25
Kajian Sains Perpustakaan Dan Maklumat.....	25 - 26
Pusat Pendidikan Luar.....	26 - 27
Pusat Kursus Luaran.....	27
Pusat Bahasa.....	28
ITM Cawangan Perlis.....	28 - 29
ITM Cawangan Sabah.....	29 - 30
ITM Cawangan Sarawak.....	31
ITM Cawangan Terengganu.....	32
ITM Cawangan Johor.....	32 - 33
ITM Cawangan Melaka.....	34
ITM Cawangan Perak.....	35
ITM Cawangan Pahang.....	36
ITM Cawangan Kelantan.....	37

LAPORAN PROJEK PERUNDING DAN PENYELIDIKAN

Senarai Projek Penyelidikan Yang Telah Selesai	
Dilaksanakan Pada Tahun 1991.....	38 - 41
Senarai Projek Penyelidikan Yang Telah	
Dilaksanakan Pada Tahun 1991.....	42 - 46
Projek-Projek Khidmat Perunding Yang Telah	
Selesai Dilaksanakan Pada Tahun.....	47 - 49
Projek-Projek Khidmat Perunding	
Yang Disambung Dari Tahun 1990.....	50 - 54
Projek-Projek Khidmat Perunding Yang	
Dimula kan Pada Tahun 1991.....	55 - 61
PENERBITAN DAN PENTERJEMAHAN.....	62 - 82

Buku
Jurnal

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA..... 83 - 135

PENYATA KEWANGAN

Penyata Oleh Majlis Institut Teknologi MARA.....	136
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab	
Keatas Pengurusan Kewangan Institut Teknologi MARA.....	137
Kunci Kira-Kira Disatukan Pada 31 Disember 1991.....	138 - 139
Akaun Pendapatan Dan Perbelanjaan Disatukan	
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1991.....	140 - 142
Penyata Perubahan Dalam Kedudukan	
Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1991.....	143 - 144
Nota-Nota Kepada Akaun Disatukan 1991.....	145 - 157

MAKLUMAT KORPORAT

Penubuhan

Sejarah Institut Teknologi MARA bermula dengan penubuhan Dewan Latihan RIDA dalam tahun 1956 yang bertujuan untuk memberi latihan dan pendidikan dalam bidang perusahaan dan perniagaan untuk membolehkan anak-anak bumiputera dari luar bandar menceburkán diri dalam bidang-bidang tersebut. Seramai 25 orang pelajar telah diterima untuk mengikuti pengajian London Chamber of Commerce (Peringkat Permulaan) dan dalam perusahaan membuat tali sabut.

Selaras dengan resolusi kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan dalam tahun 1965, peranan pusat pengajian ini telah diperluaskan dan namanya ditukar kepada Maktab MARA. Jumlah dan peringkat pengajian telah dipertingkatkan. Permintaan untuk jenis dan bidang latihan yang ditawarkan menekankan keupayaan fizikal maktab dan beberapa bangunan terpaksa disewa. Akhirnya, sebidang tanah seluas 300 ekar di Shah Alam telah diluluskan untuk pembinaan kampus tetap dan pada 14 Oktober 1967, upacara perletakan batu asas telah dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein. Serentak dengan itu Maktab MARA bertukar nama kepada Institut Teknologi MARA.

Pada peringkat permulaan Dewan Latihan RIDA telah ditadbirkan oleh Bahagian Latihan RIDA dan seterusnya Bahagian Latihan MARA apabila RIDA bertukar nama kepada MARA. Ini bermakna bahawa pusat pengajian ini turut diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada akhir tahun 1970 Institut Teknologi MARA telah diberi autonomi penuh dan ditadbirkan oleh Majlis Pentadbirannya sendiri. Dengan lulusnya Akta Institut Teknologi MARA pada bulan Juh 1976, ITM diletakkan terus di bawah Kementerian Pelajaran.

Perkembangan ITM sebagai pusat pengajian profesional dan separa profesional mencatatkan satu sejarah yang pesat dan cemerlang. Daripada cuma kursus perdagangan rendah dan vokasional pada permulaannya, ITM kini menawarkan 95 kursus dalam berbagai bidang pengajian yang diletakkan di bawah 12 kajian, merangkumi bidang-bidang sains dan kejuruteraan, perniagaan dan pengurusan dan sains sosial dan kemanusiaan. Bermula dengan 25 orang pelajar, ITM kini mempunyai 24,217 pelajar yang ditempatkan disepuluh buah kampus termasuk seramai 10,855 orang pelajar di kampus induk Shah Alam. Dari sebuah kampus di Petaling Jaya, ITM kini mempunyai kampus cawangan di Sabah, Sarawak, Perlis, Terengganu, Melaka, Johor, Pahang, Perak dan Kelantan.

MISI

Menjadi sebuah Institusi Pendidikan Tinggi terkemuka dalam bidang pendidikan dan latihan profesional.

FALSAFAH

Kepercayaan bahawa semua manusia mempunyai bakat, minat dan kecenderungan dan jikadiasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui pemindahan ilmu pengetahuan dari mana-mana kebudayaan atau tamadun dunia secara terbuka, serta melalui pemindahan dan penerapan nilai Islam boleh berperanan dalam membangunkan diri, masyarakat dan negara.

OBJEKTIF

Untuk mendidik bumiputera menjadi profesional yang berkaliber, berdikari berilmu dan bertaqwa supaya boleh bersaing dalam dunia perniagaan, perdagangan, sains dan teknologi.

MATLAMAT

Untuk mencapai objektif akademiknya ITM akan menyusun aktiviti-aktiviti akademik berikut:

1. Mengadakan program-program pendidikan di peringkat profesional dan separa profesional;
2. Mendedahkan pelajarnya kepada ilmu pengetahuan dari mana-mana tamadun yang sesuai dengan hasratnya sebagai institusi pendidikan tinggi asal tidak bercanggah dengan kebudayaan dan tatasusila Melayu;
3. Menyediakan kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan peringkat pengajian yang ditawarkan;
4. Mendedahkan pelajarnya kepada program-program bukan akademik, yang boleh membentuk sahsiah mereka, sebagai persiapan untuk bersaingan dalam dunia pekerjaan;
5. Menanamkan semangat dan ciri-ciri Islam ke dalam sanubari pelajarnya melalui program-program keagamaan dan pembinaan insan kamil;
6. Menentukan setiap tenaga pengajarnya mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing melalui proses perkembangan sumber manusia yang sistematis;
7. Membentuk satu sistem pentadbiran pendidikan yang boleh mendorong kreativiti dan kerjasama antara kakitangan supaya misi ITM sebagai institusi pendidikan tinggi cemerlang tercapai.

AHLI-AHLI MAJLIS ITM



Pengerusi
Y. Bhg. Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope
DMPN, DPMJ, KMN, JMN



Y. Bhg. Dato' Dr. Hj. Mohd.
Mansor bin Hj. Salleh
DSDK



Puan Nuraizah bt. Abdul Hamid



Timbalan Pengerusi
Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad
AMN, JSM



Y. Bhg. Dato' Ir. Wan Abdul
Rahman bin Yaacob
DPMT, JSM, AMN



**Y. Bhg. Dato' Haji Abdul
Latiff bin Sahan**
DSNS, JSM, KMN



**Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira
Abdul Rahman Haji Arshad**
*PSM, DCSM, SPDK, DSAP,
DKSJ, JMN, JSM, BSK*



Encik Othman bin Mohd. Rijal



**Puan Noraini bt. Abdul
Rahman**



**Tuan Haji Mohd. Ridzuan
bin Abdul Hallim**



**Y. B. Tan Sri Datuk Amar
Haji Bujang Mohd. Noor**
PSM, DA, PNBS, JSM, JBS, AMN, PBJ



Dr. Jaafar bin Ahmad
JSM



Encik Mohd. Ibrahim b. Mohd. Zain



**Setiausaha
Encik Bahadon Ismail**

MAJLIS ITM

PENGERUSI

1. Yang Berbahagia Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ani bin Arope
PSM, SIMP, DPMJ, DMPN, JMN, KMN
Ketua Eksekutif
Kumpulan Guthrie Sdn. Bhd.

TIMBALAN PENGERUSI

2. Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad, AMN, JSM
Pengerusi
BEP Akitek Sdn. Bhd.

AHLI-AHLI

PENGARAH

3. Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh DSDK, JSM

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

4. Wakil : Encik Othman bin Mohd. Rijal
(Sehingga 15.10.1991)

Tuan Haji Badri bin Haji Masri
(Mulai 27.11.1991)

Wakil Ganti Puan Zaharah bt. Shaari
 Encik Ali bin Bahari
 Cik Rukiah bt. Sham

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN

5. Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Latiff bin Sahan
DSNS, JSM, KMN
(Sehingga 5.12.1991)

Yang Berbahagia Dato' Mohd Noordin bin Hassan
DPSK, JMN, SMP, KMN
(Mulai 6.12.1991)

Wakil : Dr. Syed Muhamad bin Syed Abdul Kadir

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN

6. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Haji Arshad
PSM, DCSM, DSAP, DKSJ, JMN, JSM, BSK
(Sehingga 26.11.1991)

Wakil : Yang Berbahagia Dato' Abdul Hamid bin Ayob
DSDK, SMS, JSM, KMN, BCK
(Sehingga 30.6.1991)

Wakil : Yang Berbahagia Datuk Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin
(Mulai 12.12.1991)

Wakil Ganti: Yang Berbahagia Datuk Haji Mahpor bin Baba
DMSM
(Mulai 1 Julai 1991)

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

7. Wakil : Puan Nuraizah bt. Abdul Hamid

Wakil Ganti : Encik Mohamad Zabri bin Min
Encik Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri

PEGUAMCARA NEGARA

8. Wakil : Puan Noraini bt. Abdul Rahman

KETUA PENGARAH MARA

9. Tuan Haji Mohd. Ridzuan bin Abdul Halim

Wakil : Puan Saniah bt. Haji Reduan
: Puan Che Ah Adon

AHLI-AHLI LAIN

10. Yang Berbahagia Datuk Haji Safri Awang Zaidell
PNBS, PPC, KMN
Timbalan Pengerusi
Yayasan Sarawak
(Sehingga 31.3.1991)

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd. Nor
PSM, DA, PNBS, JSM, JBS, AMN, PBJ
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
(Mulai 1.7.1991)

11. Yang Berbahagia Dato' Ir. Wan Abdul Rahman bin Yaacob
DPMT, JSM, AMN
Ketua Pengarah Kerja Raya
12. Puan Khatijah bt. Ahmad
Pengerusi/Pengarah Urusan
KAF Discounts Bhd.
(Sehingga 31.5.1991)

Dr. Jaafar bin Ahmad. JSM
Pengarah Eksekutif
Bank Bumiputra Malaysia Berhad
(Mulai 1.7.1991)
13. Encik Mohd Ibrahim bin Mohd Zain
Pengerusi Eksekutif
PAN Malaysia Rubber Industries Berhad

SETIAUSAHA

Pendaftar
Encik Bahadon bin Ismail

PENGURUSAN KANAN

PENGARAH

Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh
DSDK, JSM
B.Sc(Wales), M.Sc.(B'ham), Ph.D.(Manc.) C.Eng. (U.K),
MIM, Micorr ST

TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR)

Mohd Ali bin Hassan
B.Sc.(Hons)(Tech. Math.)(Aston), M.Sc.(Ind. Math. & Stat.)
(Aston), M.A(Actuarial Math.)(Mich.)
(Sehingga 28.2.1991)

Dr. Khalifah bin Othman, AMP
DBS(ITM), B.Sc(Fin.)(NIU), MBA(NIU), Ph.D(Mktg.)(Stirling)
(Mulai 1.3.1991 hingga 31.7.1991)

Ir. Dr. Wan Mahmood bin Wan Abdul Majid
Adv. Dip. in C. Eng.(ITM), M.Sc(Eng.)(Surrey)
Ph.D(C. Eng.)(U.K), P.Eng., FIEM, MIEAUST, CPENG
(Mulai 1.8.1991)

TIMBALAN PENGARAH (PENGURUSAN)

Dr. Syed Abdul Kader bin Shaikh AL-Junid, KMN
Dip. Kejuruteraan Elek.(Maktab Teknik), B.Sc(Hons.)
(Elect. Eng.)(Strathclyde), M.Sc(Sys. Eng.)(Surrey),
Ph.D(Elect. Eng.)(UCSB), MIEM
(Sehingga 31.7.1991)

Dr. Khalifah bin Othman, AMP
DBS(ITM), B.Sc(Fin.)(NIU), MBA(NIU), Ph.D(Mktg.)(Stirling)
(Mulai 1.8.1991)

PENDAFTAR

Bahadon bin Ismail
ACSA(U.K), BBA(Ohio), M.A.(Econ.)(Ohio)

BENDAHARI

Haji Abdul Sofi bin Mohd. Noor
AASA(Aust.), MACPA, MIA, MCPA(Aust.)

PENOLONG PENGARAH (AKADEMIK) I

Dr. Khalifah bin Othman, AMP
DBS(ITM), B.Sc(Fin.)(NIU), MBA (NIU), Ph.D(Mktg.)(Stirling)
(Sehingga 28.2.1991)

Dr. Syed Noh bin Syed Ahmad
B. Econ (Hons)(Mal), MBA(Indiana), M.Sc(Acctg. & Fin.)
(Stirling) Ph.D(Acctg)(Stirling)
(Mulai 1.4.1991)

PENOLONG PENGARAH (AKADEMIK) II

Dr. Wan Mohamad bin Haji Wan Kadir
B(Agr. Sc.)(UM), M.Sc.(Soil Sc.)(Bel.),
Ph.D(Plant & Soil Sc.)(Tenn.)

PENOLONG PENGARAH (AKADEMIK) III

Dr. Szarina Abdullah @ Saingtong Mahavera
Cert. in Lib. Studies (Hawaii), B.A.(Hons) (Lib. Arts)
(Chulalongkorn) M.A(Lib. Studies)(Hawaii),
Ph.D(Lib. Infor Sc.)(IU)
(Mulai 1.1.1991)

PENOLONG PENGARAH (HAL EHWAL PELAJAR) I

Shaikh Ibrahim bin Shaikh Omar
Dip. Ukur Tanah (ITM), B.Sc(Land Survey Sc.) NELP(U.K)
M.Sc(Land Survey)(Queens)

PENOLONG PENGARAH (HAL EHWAL PELAJAR) II

Hajjah Zawiah Ladin
B.A(Hons)(Econ. & Hist.)(UM), Dip. Ed. (UM), M.(Bus. Mgmt.)(AIM)
(Sehingga 30.6.1991)

Dr. Mohd Said Zainol
B.Sc. (Malaya), MBA (Leuven), Ph.D (Wales)F.S.S.
(Mulai 1.7.1991)

KETUA PUSTAKAWAN

Datin Rugayah bt. Abdul Rashid, KMN
ALA(UK), FLA(UK), MLS(Hawaii)

KETUA PEGAWAI PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

Haji Tamzil bin Munir
Dip. Quant Survey (Queens.), AAIQS(Aust.)
Cert. in Mgmt. for Tech. & Voc. Ed. (U.K)

KETUA PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

Ir. Dr. Wan Mahmood bin Wan Abdul Majid
Adv. Dip. in C. Eng. (ITM), M.Sc(Eng.)(Surrey)
Ph.D(C.Eng.)(U.K), P.Eng., FIEM, MIEAUST, CPENG
(Sehingga 31.7.1991)

Ir. Haron bin Ismail
B.Sc(Civil)(Strathclyde), M.Sc(Civil)(NCSU), P.Eng., FIEM
(Mulai 1.8.1991)

KETUA PUSAT PERANCANGAN DAN PENILAIAN

Dr. Abd. Halim bin Nawawi
B.Econ.(Stats) UK, MBA (Fin)(Leuven), DBA(Fin)(Nova)

DEKAN KAJIAN DAN KETUA PUSAT AKADEMIK

KAJIAN PERAKAUNAN

Mustapha bin Yassin
DBS(ITM), BBA(Ohio), MBA(UKM)

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

Dzul Haimi bin Md. Zain
S/M Sast. Dgn Pend. (KEP) S. Halus (USM),
M.Sc (Islamic Art Hist.)(Edin.)

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

Khalid bin Yusoff
LL.B (Lond.) Bar at Law (Lincoln's Inn), M.A (Bus. Law)(Lond.)

KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR

Mohamed bin Awang
Dip. in A & D (I.D.E)(ITM), M.I.D, Syracuse

KAJIAN SAINS GUNAAN

Dr. Sulong Ahmad bin Haji Kamaruddin
DVM(Bangladesh), M.Sc(Minnesota)
(Mulai 9.1.1991)

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

Haji Abdullah bin Haji Ghazali
DBS(ITM) BBA(Ohio), MBA(Quant. Methods)(Ohio)

KAJIAN SAINS MATEMATIK DAN KOMPUTER

Shafie bin Mehad
MBA(Leuven)

KAJIAN KEJURUTERAAN

Ir. Haron bin Ismail
B.Sc(Civil)(Strathclyde), M.Sc(Civil)(NCSU), P. Eng., MEIM
(Sehingga 31/7/1991)

Ir. Dr. Hassan bin Ibrahim
Ir. (Mech. Eng.)(Bandung), M.Sc. (Ottawa),
Ph.D (Thermal Eng.)(Glasgow), MEIM, MASHRAE
(Mulai 1.8.1991)

KAJIAN PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN

Sharifah bt. Mohd. Ali
Cert. in Hotel Econ.(Canada), BSBA (Mgmt.)(Denver),
M.Sc (Hotel & Rest. Mgmt.)(New Haven)

KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

Puan Fuziah bt. Mohd. Nadzar
Dip. in Library Science (ITM), M.Sc. (Lib. Sc.)

KAJIAN SEBARAN AM

Dr. Bukhory bin Haji Ismail
Sarjana Muda(Jurnal.), Sarjana(Drs)(Jurnal.)(U.Padjadjaran Indon.)
M.A(Photojour.)(Mich. St.), Ph.D(Jour. Mass Comm.)(Ohio)

KAJIAN SAINS KESETIAUSAHAAN

Mohd. Shaari bin Mohd. Din
Teaching Cert. (STTI), B.Sc(Bus Ed.)(SIU), M.Sc(Bus. Ed.)(SIU)

PUSAT PENDIDIKAN LUAR

Dr. Mohd. Trudin bin Haji Yasin
DBS (ITM), B.Sc. (Econ.), (WMU), BBA (Mktg.)(WMU)
MBA (Morehead), Ph.D(Mgmt.)(Stir.)
(Mulai 15.4.91)

PUSAT KURSUS LUARAN

Junaidah bt. A. Manap
DIA(ITM), ACA(UK)

PUSAT PENDIDIKAN PERSEDIAAN

Haji Razmi bin Chik
B.Sc(Math., Phys.)(Tasmania), M.Sc (Mgmt. Sc.)(Cran)
M.Sc(Ind. Eng. & Mgmt.)(Okla.)
(Sehingga 14.12.1991)

Dr. Zaini bin Hamzah
S/Muda Sains (Kimia)UKM, Post Dip. in Chemistry, (UK)
M.Sc. (Nuclear & Radiation Chem.), Ph.D (Radio Chem.), (Salford)
(Mulai 15.12.1991)

PUSAT SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dr. Zulaiha bt. Mohamed Ismail
B.A(Pol. Sc. & Hist.), Dip. Ed. (S'pore),
M.A(Hum. Res. Dev.)M.A(Ed. & Psychology)(E. Carolina),
Ph.D(Hum. Res. Dev.)(Washington)

PUSAT PENDIDIKAN ISLAM

Zakaria bin Abdullah
B.A(Hons.)(Islamic)(UKM), M.Litt. (Aberdeen)

PUSAT BAHASA

Dr. Abu Bakar bin Haji Ibrahim
Sijil Perguruan (MPSI), B.Sc(Ed.)(Mich. St.), M.A(Ed.)
(Mich. St.) Ph.D(Curr. & Instr.)(Mich. St.)

PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

Drs. Hamat Haji Ghazali
B.A (Hons)(Islamic)(Pakistan), Sarj. Lengkap (Usuluddin)(Indonesia),

PUSAT SISTEM MAKLUMAT BERSEPADU

Aminuddin bin Haji Mohamad
B.Sc(Math.)(Auckland), M.Sc(Ind. Math. & Stat.)(Aston), M.N.C.C

BIRO PENYEDIAAN TEKS (BIROTEKS)

Mohd Yunus bin Mohd Yusof
B.Sc (Hons) Stat(CLP)(U.K)
(Sehingga 13.10.1991)

Dr. Katni Kamsono Kibat
ACA (ITM - UK), BA (Pol.Sc)(Wilmington Coll.),
M.Sc. (Librarianship) (WMU),
Ph.D (Lib. & Info. Sc.)(Pittsburgh)
(Mulai 15.10.1991)

PENGETUA KAMPUS CAWANGAN

ITM CAWANGAN SABAH

Baharudin bin Ismail
DBS(ITM), B.Sc(Bus.), (Mktg. Mgmt.)(Miami),
MBA (Bus. & Comm.)(Marshall)

ITM CAWANGAN SARAWAK

Dr. Ibrahim bin Abu Shah
DPA(ITM), B.A(Econ.)(Ohio), M.A(Sociology)(Ohio),
Ph.D(Gov. & Pol.)(Maryland)

ITM CAWANGAN PERLIS

Wan Abaid bin Wan Ismail
DPA(ITM), B.A(Bus.)(Monmouth Coll.), MBA(Mgmt.)(Marshall)

ITM CAWANGAN TERENGGANU

Ismail bin Shari
B.Econ.(Hons)(UM), M. Econ.(UKM)

ITM CAWANGAN JOHOR

Alias bin Ramli
ICSA(U.K), BBA(Ohio), MBA(Ohio)

ITM CAWANGAN MELAKA

Arshad bin Hashim
DPIM(ITM), Sarjana Pertanian (Indon.), M.Sc(Agr. Dev.)(Bel.)
(Sehingga 31.7.1991)

Dr. Baharuddin bin Abdul Aziz
Mass. Comm.(ITM,) M.S. (Broadcasting) (Boston)
Ph.D (Communication) (Oregon)
(Mulai 1.8.1991)

ITM CAWANGAN PAHANG

Dr. Abdul Aziz bin Haji Awang
DVM (Pakistan), M.Sc (California)
(Sehingga 30.6.1991)

Dr. Nasuddin bin Othman
M.Sc. (Agri. Dev.)(Belgium) M.Sc. (Agr. Econ)(Indonesia)
Ph.D (Farm Mgt.) (Stirling),
(Mulai 1.8.1991)

ITM CAWANGAN PERAK

Syed Ziad Wapha bin Syed Nordin Wapha
B.Arch. (Queens), B.Sc Arch. (Sydney), APAM

ITM CAWANGAN KELANTAN

Tuan Haji Abdullah Sudin bin Abdul Rahman
B.Econ.(Hons)(UM), MBA(UKM)
(Sehingga 31.7.1991)

Tuan Haji Abdullah bin Mohamad
Sijil Perguruan - (PLD) (K. Terengganu), B.Sc. (Hons) USM
MPA, (Urban Mgmt.)(Pittsburgh)
(Mulai 1.9.1991)

JURUAUDIT

Pejabat Ketua Audit Negara
Bahagian Perusahaan Awam Persekutuan
Tingkat 12, Bangunan KUWASA
Jalan Raja Laut
50518 KUALA LUMPUR

LAPORAN PENGARAH

LAPORAN PENGARAH

PENDAHULUAN

Pada tahun 1991, genaplah 35 tahun, penubuhan ITM. Sebagai organisasi pendokong untuk menghasilkan tenaga profesional dan separa profesional Bumiputra, ITM telah berjaya memainkan peranannya dalam mengeluarkan lulusan berpengetahuan berkualiti berkhidmat di sektor awam dan swasta. Ini merupakan satu kejayaan yang besar bagi ITM kerana membantu memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang tempoh perlaksanaannya telah berakhir pada tahun 1990.

Bagi memastikan peranan dan sumbangan ITM ini berterusan serta sesuai dengan matlamat Wawasan 2020 negara, ITM telah mempergiatkan usaha ke arah penterjemahan visi, misi dan matlamatnya yang tersedia bagi penyertaan individu Bumiputra yang sedar tentang kehendak dan keperluan zaman baru. Pengemasan sistem perlaksanaan kerja serta proses peningkatan semua program ITM ke arah kecemerlangan adalah persediaan ke arah mewujudkan kenyataan ini.

MAJLIS

Sepanjang tahun 1991, Majlis yang dianggotai oleh 13 orang ahli telah bermesyuarat sebanyak lapan kali. Di samping itu, ahli-ahli Majlis telah mengadakan lawatan ke kampus ITM Cawangan Sabah pada 3 Ogos 1991. Di kampus ini ahli Majlis telah diberi taklimat mengenai perkembangan dan pencapaian kampus serta berpeluang berjumpa dengan kakitangan dan pelajar kampus berkenaan.

Pada tahun ini seramai 5 orang ahli Majlis telah tamat tempoh perkhidmatan. Mereka ialah:

Nama	Tarikh Tamat
1. Y. Bhg. Datuk Hj. Safri Awang Zaidell Timbalan Pengerusi Yayasan Sarawak	31 Mac 1991
2. Puan Khatijah Bt. Ahmad Pengerusi/Pengarah Urusan KAF Discounts Bhd.	31 Mei 1991
3. Encik Othman bin Mohd Rijal Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan	15 Oktober 1991
4. Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Hj. Arshad Ketua Pengarah Pendidikan	26 November 1991
5. Y. Bhg. Datuk Hj. Abdul Latif bin Sahan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan	5 Disember 1991

ITM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas sumbangan dan khidmat bakti yang dicurahkan oleh mereka semasa menjadi ahli Majis ITM.

ITM mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan perlantikan semula Tuan Haji. Zahani bin Tan Sri Ahmad dan Y. Bhg. Dato' Ir. Wan Abdul Rahman bin Yaacob sebagai ahli Majlis untuk tempoh tiga tahun mulai 1 Julai 1991. ITM juga mengalu-alukan perlantikan ahli Majlis baru iaitu Y.B. Tan Sri Datuk Amar Hj. Bujang bin Mohd Nor, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Y. Bhg. Datuk Mohd. Noordin bin Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Y. Bhg. Datuk Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I, wakil Ketua Pengarah Pendidikan, Dr. Jaafar bin Ahmad, Pengarah Eksekutif Bank Bumiputra Malaysia Bhd., dan Tuan Hj. Badri bin Hj. Masri, Pengarah Bahagian Belanjawan, wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

PENGURUSAN

Beberapa perlantikan baru telah dibuat di peringkat pengurusan ITM, dan di peringkat Cawangan/Kajian. Mulai 1 Ogos 1991, Y.B. Menteri Pendidikan telah membuat perlantikan-perlantikan berikut:-

- 1) Dr. Khalifah bin Othman telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Pengurusan), untuk menggantikan tempat Dr. Syed Abdul Kader Aljunid yang telah tamat tempoh perlantikan beliau selama dua (2) penggal iaitu dari 1 Ogos 1987 hingga 31 Julai 1991.
- 2) Dr. Wan Mahmood Wan Abdul Majid sebagai Timbalan Pengarah (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) iaitu untuk menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Dr. Khalifah Othman. Dr. Wan Mahmood Wan Abdul Majid sebelum ini adalah Ketua Pusat Penyelidikan dan Perundingan.
- 3) Dr. Baharuddin Abdul Aziz sebagai Pengetua ITM Cawangan Melaka.
- 4) Encik Abdullah Mohamad sebagai Pengetua ITM Cawangan Kelantan.
- 5) Dr. Nasuddin Othman sebagai Pengetua ITM Cawangan Pahang.

Sementara itu, di peringkat pengurusan juga, kita telah melantik beberapa orang Pegawai Kanan, antaranya:-

- 1) Dr. Szarina Abdullah sebagai Penolong Pengarah Hal Ehwal Akademik mulai 1 Januari 1991.
- 2) Dr. Syed Noh Syed Ahmad sebagai Penolong Pengarah Hal Ehwal Akademik mulai 1 April 1991.
- 3) Dr. Mohd Said Zainol sebagai Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar mulai 1 Julai 1991.

- 4) Dr. Abdul Halim Nawawi sebagai Ketua Unit Perancangan dan Penilaian (UPP) mulai 9 Januari 1991.
- 5) Ir. Haron Ismail sebagai Ketua Pusat Penyelidikan dan Perundingan mulai 1 Ogos 1991.
- 6) Dr. Hassan Ibrahim sebagai Dekan Kajian Kejuruteraan mulai 1 Ogos 1991.
- 7) Puan Fuziah Mohd Nadzar sebagai Dekan Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat mulai 1 Januari 1991.
- 8) Dr. Sulong Ahmad Kamaruddin sebagai Dekan Kajian Sains Gunaan mulai 9 Januari 1991.
- 9) Dr. Zaini Hamzah sebagai Timbalan Ketua PPP mulai 15 Disember 1991.
- 10) Dr. Mohd Trudin Yassin sebagai Ketua Pusat Pengajian Luar (PPL) mulai 15 April 1991.

ITM merakamkan ucapan penghargaan kepada Tuan Syed Abdul Kader Aljunid, Tuan Haji Mohamad Ali Hassan, Puan Hajjah Zawiah Ladin, Dr. Sulaiman Shamsuri, Bekas Pengetua, Dekan Kajian, Ketua Unit, Ketua Kursus dan Koordinator yang telah menamatkan tempoh perlantikan mereka dalam jawatan pentadbiran masing-masing.

Selain daripada perubahan kepimpinan, ITM juga menubuahkan beberapa pusat yang baru dalam usaha untuk memantap dan melicinkan proses pentadbiran. Pusat Sistem Maklumat Bersepadu telah menubuahkan stesyen kerja CAD/CAM. Pusat ini ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan lagi pendedahan pelajar ITM kepada teknologi berkomputer dalam bidang kejuruteraan, rekabentuk industri, senibina dan sains gunaan. Pusat ini juga akan memberi peluang kepada kakitangan akademik ITM melibatkan diri dalam rekaan berkomputer.

KEWANGAN


Pada Tahun 1991, Institut Teknologi MARA mendapat peruntukan belanja mengurus sebanyak \$250,345,053.37. Sebahagian besar dari peruntukan yang diluluskan adalah untuk Emolumen (\$116.6 juta) Perkhidmatan dan Bekalan (62.6 juta). Pemberian dan Keraian Bayaran Tetap (14.9 juta) Pembelian Harta Modal (19.7 juta).

Peruntukan Pembangunan yang telah diterima berjumlah \$42,461,975.00. Baki Peruntukan tunai yang dibawa daripada tahun-tahun sebelumnya ialah \$57,308,348.00. Manakala perbelanjaan yang telah digunakan berjumlah \$67,080,783.71. Kerja-kerja dalam pembinaan berjumlah \$164,239,937.00 Jumlah ini juga termasuk kos projek yang diberhentikan (pembatalan terus projek) dan pembatalan projek yang sedang dibuat atas arahan Agensi Pusat kerana kemelesetan ekonomi dan perlantikan konsultan yang berasingan untuk merekabentuk bangunan

baru yang tidak berkenaan langsung dengan perbelanjaan yang dibuat dalam projek asal walaupun nama projeknya sama.

PROGRAM AKADEMIK

Kursus-Kursus Yang Ditawarkan



Beberapa kursus baru juga sedang dirancang iaitu ADBS (Human Resource Development) dan Adv. Diploma (Information Science) dan dijangka bermula tahun 1992.

ITM juga telah menubuhkan Pusat Kursus Luaran yang bertujuan untuk menggabungkan semua Kursus Luaran yang ditawarkan di Institut ini. Dengan itu diharapkan pengendalian dan pentadbiran kursus-kursus ini dapat diselaraskan dan prestasi kelulusan dapat dipertingkatkan.

Di samping itu Pusat Pengajian Pengangkutan Malaysia, pula yang dahulunya diletakkan di bawah Kajian Perniagaan dan Pengurusan kini telah dipisahkan dari Kajian tersebut dan mula beroperasi secara berasingan.


PELAJAR

Pengambilan


Sebanyak 53,592 permohonan untuk memasuki Institut telah diterima pada tahun 1991. Institut telah mendaftarkan seramai 11,023 pelajar baru bagi seluruh Kampus ITM bagi pengambilan semester Jan dan Julai 1991.

Pengambilan pelajar mengikut Kampus dan Kajian adalah seperti berikut:-

**Pengambilan Pelajar Sepenuh Masa ITM
Mengikut Kajian Sehingga November 1991**



**Pengambilan Pelajar Sepenuh Masa ITM
Mengikut Kampus Sehingga November 1991**




Enrolmen

Enrolmen pelajar sepuh masa ITM sehingga Nov 1991 adalah seramai 24,217. Jumlah ini meningkat sebanyak 1.3% berbanding dengan tahun lalu bagi seluruh sistem ITM tidak termasuk PPP.

Pecahan terperinci mengikut kajian/kampus ialah seperti berikut:-

Enrolmen Pelajar Bagi Tahun 1991



Lulusan

Seramai 6648 orang telah menerima ijazah, diploma dan sijil masing-masing dalam Majlis Konvokesyen yang diadakan pada bulan Mac dan Oktober, 1991. Jumlah tersebut adalah termasuk 47 orang lulusan BBA, dan 20 orang lulusan EMBA yang dianugerahkan Ijazah Master dalam Majlis Konvokesyen Khas pada bulan Jun 1991 yang diadakan di Ohio University, Athens, Ohio, 45701 Ohio, U.S.A.

Bilangan lulusan tersebut mengikut Kajian dan Peringkat Pengajian adalah seperti jadual berikut:-

BILANGAN LULUSAN ITM 1991

Peringkat Kelulusan Kajian	Post Graduate EMBA	Ijazah Lepasan Ijazah	Diploma Lanjutan	Kursus Luaran	Diploma	Sijil	Jumlah (%)
Perniagaan dan Pengurusan	20	47	73	27	1896	51	2114 (31.7)
Perakaunan	-	-	71	-	923	93	1087 (16.4)
Pentadbiran dan Undang-Undang	-	91	60	-	560	-	711 (10.7)
Kejuruteraan	-	-	64	-	283	-	347 (5.2)
Senibina, Perancangan & Ukur	-	-	54	-	341	38	433 (6.5)
Sains Matematik dan Komputer	15	-	5	-	310	61	391 (5.9)
Sains Gunaan	-	-	-	-	421	-	421 (6.3)
Sains Kesetiausahaan	-	-	-	-	376	-	376 (5.7)
Pengurusan Hotel dan Pelancongan	-	-	-	-	113	154	267 (4.0)
Seni Lukis dan Seni Reka	44	149	-	-	11	-	204 (3.1)
Sebaran Am	-	243	-	-	-	-	243 (3.)
Sains Perpustakaan dan Maklumat	12	31	-	-	-	-	43 (0.6)
TESL	11	-	-	-	-	-	11 (0.2)
JUMLAH BESAR (%)	102 (1.5)	561 (8.4)	327 (4.9)	27 (0.4)	5234 (78.7)	397 (6.0)	6648(100)

PEPERIKSAAN

ITM telah mengadakan peperiksaan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Mei 1991 dan November 1991.

PEPERIKSAAN MEI

Seramai 23,066 pelajar sepenuh masa telah menduduki peperiksaan ini. Daripada jumlah tersebut 22,326 (96.79%) telah lulus dan hanya 740 (3.21%) yang gagal dan diarah berhenti. Di samping itu 2,588 pelajar lagi telah menduduki peperiksaan untuk kursus-kursus di Pusat Pendidikan Luar/Pendidikan Jarak jauh. Daripada jumlah tersebut 2,280 (88.1%) telah lulus dan hanya 308 (11.9%) yang gagal dan diarah berhenti.

PEPERIKSAAN NOVEMBER

Seramai 23,612 pelajar sepenuh masa telah menduduki peperiksaan ini. Daripada jumlah tersebut 22,918 (97.06%) telah lulus dan hanya 694 (2.94%) yang gagal dan diarah berhenti. Di samping itu 2,825 pelajar lagi telah menduduki peperiksaan kursus-kursus di Pusat Pendidikan Luar/Pendidikan Jarak Jauh. Daripada jumlah tersebut 2,251 (79.68%) telah lulus dan hanya 574 (20.32%) yang gagal dan diarah berhenti.

"Sepanjang tahun 1991 seramai 663 orang pelajar ITM telah menduduki peperiksaan yang dianjurkan oleh badan-badan professional di luar negeri. Kursus berkenaan ialah Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), Chartered Association of Certified Accountants (CACA), Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA), Institute of Chartered Secretaries & Administrators (ICSA), Australian Insurance Institute (AII), Malaysian Insurance Institute (MII), Chartered Institute of Transport (CIT) dan Chartered Institute of Marketing (CIM). Iaitu 387 orang bagi peperiksaan April/Mei/Jun 1991 dan 276 orang bagi peperiksaan Oktober/November/Disember 1991. Jumlah pelajar yang lulus bagi peperiksaan April/Mei/Jun 1991 ialah 347 orang. Keputusan bagi peperiksaan Oktober/November/Disember akan diumumkan pada bulan Februari 1992.

AKTIVITI PELAJAR DAN KO-KURIKULUM

Pelajar-pelajar merupakan keluaran utama Institut. Setelah menamatkan pengajian, mereka merupakan agen perubahan dalam masyarakat serta bakal pemimpin negara pada masa akan datang. Oleh itu, matlamat Institut bukan sahaja untuk mengeluarkan pelajar yang berilmu dan berpengetahuan tinggi, tetapi juga mereka hendaklah beriman, bertaqwa dan serba boleh dalam berbagai bidang.

Untuk mencapai matlamat tersebut, pelajar-pelajar sentiasa dibimbing, dilatih dan diasuh minat dan bakat mereka oleh Institut. Peranan ini dimainkan oleh seluruh bahagian dalam Institut khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Khidmat kerjaya dan kauseling serta bimbingan dan nasihat agama juga diberikan kepada mereka.

Pihak Institut telah melaksanakan aktiviti-aktiviti pelajar melalui program-program yang dirancang oleh Kajian- kajian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej-kolej serta Unit-unit Ko-Kurikulum. Di samping itu, aktiviti pelajar juga dirancang dan dilaksanakan oleh persatuan-persatuan pelajar sendiri.

Sehingga tahun 1991, terdapat 93 buah persatuan pelajar yang telah diluluskan penubuhannya dan bagi tempoh tersebut sebanyak 413 aktiviti telah dilaksanakan. Program-program ko-kurikulum yang telah ditawarkan kepada pelajar adalah seperti berikut:-

- Kesatria
- Kembara Usahawan (KEMUSA)
- Kebudayaan
- Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)
- Persatuan Bulan Sabit Merah
- Sukan
- Amalan Agama dan Sosial Dalam Islam (ADASI)
- Kaunseling Sebaya
- Pidato Umum

Sebuah kolej kediaman pelajar yang baru iaitu Kolej Anggerik telah mula diduduki mulai 28 Disember 1991. Kolej berkenaan dapat menempatkan 400 orang siswa dan 400 orang siswi.

KAKITANGAN

Terdapat seramai 5,973 kakitangan pada 31 Disember 1991. Pecahan kakitangan mengikut kategori A (2283 Akademik, 297 Bukan Akademik), kategori B(15 Akademik, 414 Bukan Akademik), 1098 kategori C dan 1866 kategori D. Bilangan keseluruhan ini merupakan 96.5% daripada jumlah jawatan yang diperuntukkan kepada Institut. Secara perbandingan bilangan ini adalah 3.5% lebih berbanding daripada jumlah tahun 1990.

LATIHAN DAN BIASISWA

Pada tahun 1991 ITM telah memperuntukkan sejumlah \$12.25 juta untuk pembangunan staf iaitu untuk Biasiswa Staf dan juga Latihan. Sebanyak \$10.7 juta telah dipergunakan untuk biasiswa dan \$1.550 juta untuk Latihan.

Sebanyak 142 biasiswa telah ditawarkan kepada staf dan 102 kepada Tenaga Pengajar Muda. Ini menjadikan bilangan pemegang biasiswa berjumlah 244 orang.

Dari jumlah biasiswa yang ditawarkan, sebanyak 27 untuk Ph.D, 104 untuk Sarjana, 4 untuk Sijil dan 7 untuk Diploma Lepasan Ijazah. Manakala jumlah biasiswa yang ditawarkan di bawah Tenaga Pengajar Muda adalah 4 untuk Ph.D, 96 untuk Sarjana dan 2 untuk Ijazah.

Sepanjang tahun 1991, seramai 75 orang staf telah kembali melapor diri.

KURSUS-KURSUS PENDEK

Penekanan program latihan jangka pendek pada tahun 1991 adalah Pembangunan Motivasi dan Pembangunan Insan di samping meningkatkan kemahiran teknikal khususnya dalam bidang automasi dan komputer.

Pada tahun 1991, sejumlah 20 program adalah merupakan program peningkatan motivasi dan 23 program untuk peningkatan pembangunan insan. Manakala 16 program untuk kemahiran automasi dan komputer.

Sejumlah 2,100 orang staf telah diberi latihan anjuran dalaman dan 600 orang staf anjuran luar. Seramai 60 orang staf telah dihantar mengikuti kursus di luar negeri.

Bahagian Latihan dan Biasiswa juga menaja 36 orang staf untuk membentangkan kertas kerja di luar negeri.

KENAIKAN PANGKAT

Sepanjang tahun 1991 seramai 39 orang kakitangan telah dinaikkan pangkat yang terdiri daripada 3 orang kakitangan Kumpulan A (Akademik), 16 orang kakitangan Kumpulan A (Bukan Akademik), 6 orang kakitangan Kumpulan B, 4 orang kakitangan Kumpulan C dan 10 orang kakitangan Kumpulan D.

MENINGGALKAN PERKHIDMATAN/PERSARAAN

Seramai 168 orang kakitangan telah meninggalkan perkhidmatan di ITM sepanjang tahun 1991. Mereka adalah terdiri daripada 79 orang kakitangan Akademik dan 89 orang kakitangan Bukan Akademik.

Seramai 8 orang kakitangan Akademik dan 12 orang kakitangan Bukan Akademik bersara dari perkhidmatan. Seramai 2 orang kakitangan Akademik dan 7 orang kakitangan Pentadbiran meninggal dunia.

PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

Dari masa ke semasa, aktiviti penyelidikan dan perundingan di ITM telah meningkat. Berbagai usaha telah dijalankan oleh Pusat Penyelidikan dan Perundingan bagi mengembelengkan tenaga pensyarah-pensyarah ITM bagi melaksanakan projek-projek berkenaan.

Seminar dan bengkel telah diadakan di Kampus Shah Alam dan kampus-kampus cawangan bagi menyampaikan maklumat yang berkaitan secara terus kepada pensyarah-pensyarah.

Hasil dari usaha tersebut, sebanyak 36 projek penyelidikan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Mengendalikan Penyelidikan ITM dengan melibatkan peruntukan berjumlah \$1,148,481.58. Pada tahun 1991, 30 dari 36 projek penyelidikan tersebut telah selesai dilaksanakan dengan melibatkan perbelanjaan sejumlah \$675,142.18. (Lampiran A).

Bagi projek khidmat perunding, sebanyak 56 buah projek yang membabitkan kerja-kerja perundingan dengan agensi kerajaan dan swasta telah mula dilaksanakan pada tahun 1991 yang melibatkan kos perbelanjaan sebanyak \$8,049,613.49. 23 daripada jumlah projek khidmat perunding tersebut telah disiapkan di dalam tahun 1991 manakala yang bakinya sedang dalam proses perlaksanaan. (Lampiran B).

ITM akan terus berusaha mempertingkatkan budaya penyelidikan dan perundingan ke arah mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di Institut di samping memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)

Perpustakaan memainkan peranan yang amat penting di sesebuah Institut Pengajian Tinggi. Oleh sebab itu, perkhidmatan perpustakaan di ITM diadakan diseluruh Kampus Cawangan dan perkhidmatan terhad juga diberikan kepada beberapa Kajian.

Pada tahun 1991, ITM membelanjakan sebanyak \$4,645,872.33 untuk pembelian buku dan majalah. Sehingga akhir tahun 1991, PTAR memiliki 338,498 naskah buku dan risalah disamping 2664 judul majalah, 28,252 naskah keseluruhan bahan rujukan, 13,653 naskah buku teks dan 39,591 naskah bahan Koleksi Khas (Undang-Undang dan MEDEC). Jumlah Koleksi Unit Bahan Mikro pula ialah 2750 keping mikrofis, 2629 gulung mikrofilem dan 4263 slaid.

Jumlah kedatangan pembaca ialah 860,163. Manakala bahagian rujukan dan perkhidmatan pembaca pula telah memberi 15,097 perkhidmatan.

Mulai pada tahun 1990, perkhidmatan Pakej Kemahiran Asas Membaca dan Pakej Carian Maklumat telah disediakan oleh PTAR. Kedua-dua pakej ini telah disediakan dengan kandungan yang disesuaikan dengan kemampuan pelajar. Pakej ini telah dimanfaatkan kepada lebih 1,185 orang murid di tiga buah sekolah di Shah Alam, melalui 12 bengkel. Usaha sedang dibuat untuk meluaskan lagi kemanfaatan bengkel ini kepada lain-lain sekolah.

PEMBANGUNAN FIZIKAL

Pembangunan Kampus-Kampus Baru

Tidak ada kampus baru yang dibuka sepanjang tahun 1991. Walau bagaimanapun persetujuan telah dicapai dengan Kerajaan Negeri Kedah, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang untuk menubuhkan Kampus Cawangan ITM di negeri berkenaan. Tapak lokasi telah pun dipersekutui dan langkah awal seperti urusan pengambilan tanah sedang dijalankan. Sekiranya semua program berjalan lancar, InsyaAllah menjelang bulan Julai 1993, kampus ITM Kedah akan mula beroperasi dan ITM Pulau Pinang mulai Januari 1994.

Projek-Projek Fizikal Kampus Shah Alam

Pembangunan fizikal bagi tahun 1991 banyak tertumpu kepada Kampus Shah Alam sama ada dari segi pembinaan bangunan-bangunan baru, tambahan serta ubahsuai

bangunan yang sedia ada. Sistem 'turnkey' telah dilaksanakan untuk beberapa projek. Penumpuan kepada Shah Alam adalah bertujuan untuk memberi lebih keselesaan kepada pelajar dan kakitangan di kampus ini.

Masalah besar yang dihadapi di Shah Alam ialah tergendalanya Projek Pusat Islam yang sepatutnya telah siap pada tahun 1990 tetapi sehingga kini masih lagi terbengkalai. Projek ini, seperti beberapa projek lagi yang turut terbengkalai di kampus cawangan merupakan projek-projek yang dikendalikan oleh JKR.

Namun demikian, kita mempunyai beberapa projek lain yang pembinaanya telah disiapkan dalam tahun 1991 di Kampus Shah Alam. Projek-projek itu adalah:-

- i. Bangunan Kolej Ke 6 (Asrama 6)
- ii. Bangunan Akademik, PPP ITM Seksyen 17 (Fasa 1)
- iii. Binaan 'Lanes 400m Synthetic Running Track' dan membaiki padang yang sedia ada di Stadium ITM dan pembinaan Gimnasium.
- iv. Komplek ROTU
- v. Pusat Pelajar dan Dewan Makan Kolej Jati

Bangunan Kolej ke-6 yang boleh menempatkan 400 orang siswa dan 400 orang siswi telah pun siap pembinaannya pada 15 Jun 1991.

Bangunan Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan yang menelan belanja \$7.37 juta telah pun siap 80% dan kini diperingkat kerja-kerja akhir. Bangunan Akademik PPP Seksyen 17 pula kini mencapai kemajuan 75% sedangkan pembinaan Komplek Sukan Tambahan (Gimnasium) mencapai kemajuan 81.4%. Binaan 'Running Track' pula sudah pun disiapkan dan mula digunakan sejak bulan Jun 1991.

Pembinaan projek Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur yang bernilai \$11.18 juta baru mencapai kemajuan sebanyak 24%. Projek ROTU pula telah pun sempurna disiapkan pada 7 Julai 1991.

Secara keseluruhan, (selain projek Pusat Islam) kemajuan perkembangan fizikal di Shah Alam berjalan dengan lancar dan memuaskan.

Projek Fizikal Di Kampus-Kampus Cawangan

i. Kampus ITM Melaka di Lendu

Projek bernilai \$29.727 juta ini dijangka siap pada bulan September 1992 dan bakal menampung keperluan penempatan untuk 2,500 orang pelajar. Setakat ini progres pembinaan mencapai kemajuan kira-kira 10%.

ii. ITM Cawangan Sarawak

Pembinaan bangunan-bangunan tambahan bernilai \$2.18 juta telah dimulakan sejak 25 Mac 1991 dan dijangka siap menjelang 25 Mac 1992.

Pihak Kerajaan Negeri Sarawak dengan persetujuan Majlis ITM akan memindahkan kampus cawangan ini yang terletak di Semariang ketapak baru di Kota Samarahan. Perancangan mengenainya sedang dijalankan.

iii. ITM Cawangan Perlis

Projek fizikal ITM Cawangan Perlis yang menelan belanja \$6.69 juta kini telah mencapai kemajuan sebanyak 16% dan dijangka siap awal tahun depan.

iv. Projek-Projek Yang Tergendala

Projek-projek Fasa 1, ITM Cawangan Terengganu dan projek Kampus ITM Cawangan Pahang di Jengka adalah projek-projek yang gagal disiapkan hingga kini. Projek ITM Cawangan Terengganu kini hanya mampu mencapai kemajuan sebanyak 45%, sementara projek ITM Pahang yang tergendala sejak tahun 1988 dan terpaksa ditender semula dengan kos \$24.99 juta kini mencapai kemajuan setakat 77% sahaja.

PENGHARGAAN

Pada keseluruhannya saya mendapati prestasi yang dicapai oleh Institut pada tahun 1991 adalah memuaskan dan membanggakan. Kejayaan ini telah dicapai dengan adanya kerjasama dan komitmen yang tinggi dari semua pihak yang terlibat dalam mentadbirkan Institut.

Oleh itu, bagi pihak Institut, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan terutamanya kepada semua ahli Majlis yang telah membimbing pengurusan Institut, agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak swasta yang memberi sumbangan kewangan, nasihat dan bantuan-bantuan lain, semua kakitangan akademik dan pentadbiran yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik serta pelajar-pelajar yang telah menunjukkan prestasi pencapaian yang cemerlang. Semoga kerjasama dan sokongan semua pihak ini akan berterusan pada tahun-tahun akan datang untuk mempastikan kejayaan dan kecemerlangan Institut.

DATO' DR. HJ. MOHD MANSOR HJ. SALLEH
PENGARAH

LAPORAN KAJIAN/PUSAT DAN KAMPUS CAWANGAN

KAJIAN PERAKAUNAN

1.0 Pendahuluan

Pada tahun ini, Kajian Perakaunan menawarkan tiga buah kursus seperti tahun yang lalu. Usaha Kajian pada tahun ini ialah untuk mempertingkatkan mutu pengajian dan pencapaian pelajar-pelajar supaya lulusan daripada Kajian dapat bersaing apabila mereka mencebur di alam pekerjaan.

Pada 11 Mei 1991, Kajian telah mengendalikan program Skim Latihan Khas II (Percukaian) anjuran bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Hasil Dalam Negeri dan ITM. Pengambilan peserta bagi kumpulan ke tujuh ini ialah seramai 56 orang.

Buat pertama kalinya, semua kuliah bagi program ini diadakan di Kajian Perakaunan, berbanding pada tahun sebelumnya kuliah-kuliah dijalankan di UPM, Serdang. Kursus tersebut telah pun tamat pada 11 November 1991. Walau bagaimanapun peserta-peserta skim ini dikehendaki menjalani latihan di Jabatan Hasil Dalam Negeri di seluruh negeri selama tiga bulan sebelum mereka bertugas sebagai agen percukaian.

2.0 Program Akademik

Kursus Sepenuh Masa

Kod	Kursus
------------	---------------

AC 20	Diploma Lanjutan Perakaunan
AC 20	Pra Diploma Lanjutan Perakaunan
AC 10	Diploma Perakaunan

Pada masa ini Kajian sedang menyemak semula kurikulum kursus ADIA di mana penggunaan komputer dan 'research' akan dimasukkan ke dalam kurikulum tersebut. Projek ini dijalankan bersama dengan Polytechnic of Central London dan pihak Kajian.

3.0 Penerbitan/Penterjemahan

Sila lihat Lampiran C.

4.0 Pembentangan Kertas Kerja

Sila lihat Lampiran D.

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

1.0 Pendahuluan

Di sepanjang tahun 1991 Kajian Seni Lukis dan Seni Reka terus berkembang dari segi pertambahan bilangan pelajar serta aktiviti-aktiviti akademiknya. Sehingga bulan Disember 1991 jumlah pelajar Kajian ini ialah seramai 1020 orang berbanding dengan 987 pada tahun 1990. Beberapa orang pensyarah serta pelajar turut mengharumkan nama Kajian dengan mencipta logo, pertandingan fotografi dan sebagainya.

